

KUNJUNGAN NAIB CANSELOR & MESYUARAT KHAS BERSAMA KETUA-KETUA PROGRAM



Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin baru-baru ini telah mengadakan kunjungan khas ke Sekolah Perniagaan & Ekonomi pada 26 Mac 2008. Hadir sama dalam pertemuan tersebut ialah Timb. Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan), Prof. Dr. Sanuddin Hj. Tahir serta beberapa orang pegawai khas. Selain kunjungan tersebut beliau turut mengadakan pertemuan dan mesyuarat ringkas bersama-sama dengan semua Ketua Program serta pengurusan tertinggi sekolah. Dalam ucapan ringkasnya beliau menyatakan peri pentingnya bagi seluruh kakitangan mendokong matlamat melahirkan graduan yang marketable di pasaran. Sebelum itu Naib Canselor turut mengadakan lawatan dan meninjau perkembangan makmal perhotelan yang menjadi tempat latihan pelajar-pelajar program perhotelan menjalani amali.